



KEDAI KEK BAJET AYU

(AYUNISUDIN ENTERPRISE)

SSM NO : 201803239644 (002854998-M)

NURUL AYUNI BINTI SUDIN

KEK BAJET AYU

KAMPUNG KEDAWANG

MUKIM BOHOR 07000 LANGKAWI

ISI KANDUNGAN

BIL	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	1.0 PENGENALAN DAN RINGKASAN EKSEKUTIF	1
2.	2.0 LATAR BELAKANG PERNIAGAAN	2
3.	3.0 FAKTOR PEMILIHAN LOKASI	3
4.	4.0 OBJEKTIF PROJEK 4.1 VISI, MISI DAN OBJEKTIF 4.2 SASARAN PELANGGAN	4-5
5.	5.0 RANCANGAN PENTADBIRAN 5.1 CARTA ORGANISASI 5.2 SUMBER MANUSIA-TENAGA KERJA 5.3 SPESIFIKASI TUGAS MENGIKUT JAWATAN 5.4 INSENTIF PEKERJA	6-9
6.	6.0 RANCANGAN OPERASI 6.1 CARTA ALIRAN PROSES 6.2 WAKTU OPERASI PERNIAGAAN 6.3 SUSUN ATUR RUANG OPERASI 6.4 SENARAI PEMBEKAL BAHAN MENTAH	10-12
7.	7.0 RANCANGAN PEMASARAN 7.1 ANALISIS INDUSTRI 7.2 MAKLUMAT PESAING 7.3 POTENSI MELUASKAN PERNIAGAAN	13-17
8.	8.0 PENUTUP	18
9.	9.0 LAMPIRAN 9.1 BORANG PERMOHONAN SSM	19

1.0 PENGENALAN DAN RINGKASAN EKSEKUTIF

Kek Bajet Ayu merupakan sebuah perniagaan berasaskan makanan .Bakeri ini juga menjalankan perniagaan membuat dan mengedarkan produk yang berasaskan bakeri. Misalnya, aneka jenis kek krim dan kek bekas.Bukan itu sahaja, Kek Bajet Ayu menjual kek mengikut permintaan pelanggan seperti kek sempena pertunangan, perkahwinan, hari lahir dan lain-lain lagi. Premis perniagaan ini terletak di lokasi yang strategik di kawasan pasaraya Bilion Kedawang.Produk ini dipromosikan melalui aplikasi dalam talian di media sosial seperti Facebook,Instagram, Twitter dan lain-lain.

Kek Bajet Ayu merupakan perniagaan berbentuk persendirian dan telah mendaftar pada June 2018.Bakeri ini diuruskan oleh Puan Nurul Ayuni iaitu pemilik bakeri ini sendiri. Pada peringkat awal penubuhan perniagaan ini, sebanyak RM 20,000 telah disediakan bagi modal permulaan.

Antara perisa kek yang dijual ialah kek sponge, strawberry, oreo, coklat, pandan dan cheese.Tambahan pula, kek-kek yang dijual oleh Kek Bajet Ayu mendapat sambutan yang amat memberangsangkan Selain daripada itu pemilik bakal menyediakan khidmat tempahan dan khidmat hantaran terus ke rumah mahupun pejabat..Oleh itu , kami mengambil inisiatif dengan menambah lagi perisa kek supaya jualan yang dilakukan mendapat sambutan dengan berterusan.Contohnya kek redvelvet, blueberry dan pelbagai pilihan lagi.Kek Bajet Ayu juga menawarkan harga yang berpatutan sesuai dengan keenakan kek tersebut.Kebiasaannya,pelanggan bagi Kek Bajet Ayu terdiri daripada penduduk sekitar Langkawi seperti bakal pengantin,kakitangan kerajaan dan murid sekolah.

2.0 LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

BUTIRAN	MAKLUMAT
Nama perniagaan	Kek Bajet Ayu
Alamat perniagaan	Kampung Kedawang Mukim Bohor Langkawi, Kedah.
Nombor telefon	018-9414523
Bentuk perniagaan	Persendirian
Kegiatan utama perniagaan	Membuat dan menjual kek
Tarikh mula perniagaan	30 Mei 2018
Tarikh pendaftaran	21 Jun 2018
Nombor pendaftaran	002854998-M
Modal permulaan	RM 20,000
Nama bank	Bank Maybank (Ayunisudin Enterprise)
Nombor akaun bank	552077412727

3.0 FAKTOR PEMILIHAN LOKASI

3.1.1 Lokasi yang strategik

Premis perniagaan terletak di Kampung Kedawang Mukim Bohor 07000 Langkawi, Kedah. Kawasan ini berhampiran dengan pasaraya Billion Kedawang dan premis perniagaan yang lain. Tambahan pula, lokasi ini berdekatan dengan kawasan perlancongan dan perkampungan yang mana terdiri daripada lapisan masyarakat. Oleh itu, sasaran pelanggan telah dikenal pasti oleh premis perniagaan.

3.1.2 Pengangkutan

Kawasan premis perniagaan ini mempunyai jaringan pengangkutan yang baik iaitu tempat perhentian kereta, motor dan jalan raya. Hal ini memudahkan para pelanggan untuk datang ke premis perniagaan.

3.1.3 Tempat tumpuan ramai

Lokasi ini berpotensi untuk menarik lebih ramai pelanggan. Hal ini kerana, premis perniagaan terletak berhampiran dengan kedai dobi, kedai runcit, institusi pendidikan, masjid dan kawasan pasaraya.

4.0 OBJEKTIF PROJEK

4.1 VISI ,MISI DAN OBJEKTIF

VISI

- ✦ Untuk menjadi bakeri yang terkenal serta dapat berdaya saing secara sihat dengan perniagaan yang lain, bukan sahaja di kawasan tersebut malah di setiap negeri. Jadi perniagaan kami perlu berusaha untuk memenuhi cita rasa atau kehendak pelanggan supaya mendapat impak yang positif daripada pelanggan.

MISI

- ✦ Memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan supaya mereka berasa berpuas hati dengan layanan yang diberikan .Oleh itu, untuk meningkatkan produktiviti perniagaan kami perlu berusaha memperbaharui sesuatu benda baharu dalam perniagaan untuk meraih lebih ramai pelanggan dan seterusnya kontrak dari mana-mana institusi atau syarikat lain.

OBJEKTIF

- ✦ Memenuhi permintaan pelanggan dan menghasilkan sesuatu yang terbaik mengikut cita rasa serta kehendak pelanggan
- ✦ Memberi layanan yang baik kepada pelanggan dan pengedar kami
- ✦ Mengeluarkan produk yang sesuai dengan citarasa dengan peringkat umur dan sesuatu mengikut cita rasa masyarakat setempat

4.2 Sasaran pelanggan


Kek Bajet Ayu menyasarkan pelanggan dari kawasan kejiranan ,premis kedai, institusi pendidikan seperti sekolah,kolej dan kawasan pasaraya sebagai sasaran tambahan perniagaan pada masa yang akan datang.

5.0 RANCANGAN PENTADBIRAN

5.1 CARTA ORGANISASI

Perniagaan Kek Bajet Ayu diuruskan oleh Puan Nurul Ayuni iaitu sebagai pembuat kek..Berikut merupakan carta organisasi perniagaan bagi perniagaan yang dirancangkan:

Kek Bajet Ayu



5.2 SUMBER MANUSIA – TENAGA KERJA

5.2.1 Perancangan sumber manusia

- 5.2.1.1 Menjalankan proses pemilihan untuk mengambil pekerja atau staff berdasarkan kelayakan mengikut keperluan pemiagaan
- 5.2.1.2 Membentuk polisi berkaitan dengan pembangunan kerjaya pekerja
- 5.2.1.3 Kenaikan pangkat
- 5.2.1.4 Membentuk sistem tindakan yang berkaitan dengan disiplin

5.2.2 Perkhidmatan pekerja dan kebajikan

- 5.2.2.1 Menyediakan kemudahan kepada pekerja apabila bertugas dalam organisasi. Misalnya, kemudahan surau dan tandas.

5.2.3 Latihan dan pembangunan

- 5.2.3.1 Melaksanakan program induksi dan memberikan latihan kemahiran bagi pekerja untuk meningkatkan kemahiran sedia ada pekerja
- 5.2.3.2 Pembangunan pekerja yang mana melibatkan proses meningkatkan keupayaan pekerja supaya pekerja dapat menjalankan tanggungjawab serta tugas yang baharu.

5.2.4 Perhubungan industri

- 5.2.4.1 Gaya pengurusan demokratik dilakukan dengan mengamalkan toleransi serta menjalankan hubungan yang baik terhadap pekerja supaya pekerja sentiasa menunjukkan prestasi yang baik.
- 5.2.4.2 Membantu menyelesaikan masalah yang berlaku semasa proses perundingan dijalankan.

5.3 SPESIFIKASI TUGAS MENGIKUT JAWATAN

Berikut merupakan jadual tugas bagi Kek Bajet Ayu :

JAWATAN	TUGAS
Pengurus	<ul style="list-style-type: none">↓ Menguruskan aktiviti perniagaan↓ Mengenalpasti lokasi yang strategik bagi pasaran baharu↓ Menyelesaikan masalah dan mengenalpasti masalah dengan bijak↓ Mengurus hal ehwal pekerja↓ Menguruskan urusan bank
Pengurus operasi	<ul style="list-style-type: none">↓ Menerima dan melaksanakan tempahan↓ Merancang strategi pemasaran↓ Mencari inisiatif yang terbaik untuk sasaran pasaran
Pengurus pemasaran	<ul style="list-style-type: none">↓ Menentukan jenis produk dan kawalan mutu produk yang dikeluarkan↓ Mengambil dan merekod tempahan
Pembuat kek	<ul style="list-style-type: none">↓ Membuat kek mengikut tempahan yang telah dibuat
Runner	<ul style="list-style-type: none">↓ Menjalankan urusan pengangkutan yang berkaitan dengan perniagaan↓ Mengantar tempahan pelanggan↓ Lain-lain tugas
Pekerja	<ul style="list-style-type: none">↓ Membantu membersihkan dan menjaga kawasan perniagaan↓ Menguruskan permintaan pelanggan

5.4 INSENTIF PEKERJA

HARI BEKERJA

- ▶ Setiap hari kecuali hari Rabu pekerja bekerja CUTI MINGGUAN.

CUTI SAKIT

- ▶ Kemudahan cuti sakit akan diberikan kepada pekerja yang mendapat kelulusan daripada doktor untuk bercuti

CARUMAN KWSP

- ▶ Disediakan

CARUMAN SOCSO

- ▶ Disediakan

ELAUN INSENTIF

- ▶ Akan diberikan kepada pekerja yang berdedikasi dan proaktif berdasarkan prestasi perniagaan.

6.0 RANCANGAN OPERASI

6.1 CARTA ALIRAN PROSES

Berikut merupakan carta alir bagi penyediaan kek mengikut tempahan pelanggan.




6.2 Waktu Operasi Perniagaan

Waktu operasi perniagaan Kek Bajet Ayu adalah seperti berikut :

Hari	Masa Operasi
Khamis - Selasa	10.30 pagi - 9.30 malam
Rabu	Tutup

6.3 Susun Atur Ruang Operasi

Susun atur ruang operasi perniagaan Kek Bajet Ayu adalah seperti rajah di bawah :



7.0 RANCANGAN PEMASARAN

7.1 ANALISIS INDUSTRI

	KEKUATAN	KELEMAHAN
DALAMAN	<ul style="list-style-type: none">• Menawarkan pelbagai jenis kek• Pentadbiran organisasi yang kukuh• Menawarkan harga yang kompetitif• Lokasi yang strategik	<ul style="list-style-type: none">• Tidak mempunyai pelanggan yang tetap• Kurang dikenali
LUARAN	PELUANG	ANCAMAN
	<ul style="list-style-type: none">• Peluang perniagaan untuk dikomersialkan• Mempelbagaikan produk• Perkembangan secara online	<ul style="list-style-type: none">• Pesaing baru• Kuasa dan kekuatan pesaing yang ada

6.5 SENARAI PEMBEKAL BAHAN-BAHAN MENTAH

SNF INGREDIENTS

No 2, Kompleks Perniagaan

Asas Jaya, Jalan Stadium

Alor Star, 05100 Kedah.

(Tel 04-730025)

PL SOON HUAT

Lot 945, Kampung Bohor Rendam,

Mukim Bohor, 07000 Langkawi,

Kedah

(Tel 04-9551237)

YUMI FOOD BAKERY INGREDIENTS

13, Ground Floor, Pusat

Perniagaan Kelibang Indah

Jalan Kelibang Mukim

Kuah, 07000

Langkawi, Kedah.

(Tel 04-9662796)

7.1.1 Kekuatan(strengths)

‡ Menawarkan Pelbagai Jenis Kek

- Ia adalah merupakan satu-satunya kedai yang menawarkan pelbagai jenis kek kepada pelanggan. Dengan ini pelanggan akan dapat merasai pelbagai rasa kek yang sedia ada dan baru. Pelbagai pilihan yang menarik dengan bentuk yang kreatif hasil daripada perbincangan dengan rakan sekerja.

‡ Pentadbiran Organisasi Yang Kukuh

- Kekuatan dalam pentadbiran perniagaan kerana setiap pekerja telah diberi tugas untuk menjalankan tanggungjawab dan peranan masing-masing dalam melicinkan aktiviti perniagaan. Peranan yang telah dimaklumkan dan difahami oleh setiap pekerja semasa memulakan pekerjaan menjadi kekuatan utama dalam mengurus perniagaan.

‡ Menawarkan Harga Yang Kompetitif

- Harga yang ditawarkan bagi setiap produk adalah kompetitif. Harga diletakkan berdasarkan kepada kandungan bahan yang digunakan dan melihat keadaan pasaran semasa. Harga yang ditawarkan juga adalah sama dengan pesaing yang ada di kawasan sekitar.

‡ Lokasi Yang Strategik

- Lokasi perniagaan adalah strategik iaitu terletak di kawasan pelancongan, kolej, sekolah dan juga berhampiran dengan kawasan pasaraya. Jadi, pelanggan akan sentiasa ada untuk membeli produk yang ditawarkan kerana kek merupakan salah satu makanan yang boleh mengenyangkan dan menarik minat pelanggan.

7.1.2 Kelemahan (weaknesses)

↳ Tidak Mempunyai Pelanggan Tetap

- Pada permulaan perniagaan dijalankan sudah menjadi kebiasaan bahawa pelanggan masih lagi tidak mengetahui tentang kelebihan produk yang ditawarkan. Oleh itu, pemilik dan pekerja perlu berusaha dengan lebih giat untuk mendapatkan pelanggan dan seterusnya menjadi pelanggan tetap perniagaan.

↳ Kurang Dikenali

- Perniagaan Kek Bajet Ayu merupakan perniagaan yang kurang ternama jika dibandingkan dengan perniagaan pesaing lain seperti Secret Resepi, dan lain-lain. Ini kerana ia merupakan perniagaan baru dan perlu giat menjalankan promosi untuk menarik pelanggan supaya dapat menembusi pasaran dan pesaing yang ada.

7.1.3 Peluang (opportunities)

↳ Peluang Perniagaan Untuk Dikomersialkan

- Perniagaan ini juga dijangka akan dapat dikomersialkan seperti perniagaan lain di pasaran. Ia berhubungan dengan kek merupakan makanan yang menjadi permintaan ramai tidak kira golongan dan peringkat umur. Imej perniagaan akan diperkenalkan kepada umum untuk menarik minat pelanggan.

↳ Mempelbagaikan Produk

- Produk yang ditawarkan akan ditambah seperti mempelbagaikan lagi jenis kek dan menambah produk seperti roti, cup cake, tart dan sebagainya. Dengan mempelbagaikan pilihan produk akan meningkatkan lagi keuntungan yang diperoleh.

± Perkembangan Secara Online

- Perniagaan 'online' yang semakin mendapat perhatian adalah satu peluang kepada perniagaan untuk terus berkembang. Pelanggan boleh melayari laman sesawang yang disediakan untuk mereka membuat tempahan dengan cepat atau melihat produk terkini yang ditawarkan.

7.1.4 Ancaman(threats)

± Pesaing baru

- Perniagaan ini juga akan bersaing dengan pasaran baru jika pasaran ini wujud dan berjaya. Pesaing baru yang memasuki pasaran merupakan ancaman kepada perniagaan. Di sini pelbagai strategi perlu diwujudkan bagi memastikan 'Kek Bajet Ayu' tetap menjadi pilihan utama pelanggan.

± Kuasa Dan Kekuatan Pesaing Yang Ada

- Persaingan dengan perniagaan yang mengeluarkan produk yang sama merupakan ancaman yang dihadapi. Pesaing yang telah lama berada di pasaran mempunyai pelbagai strategi untuk memantapkan perniagaan mereka. Nama perniagaan yang telah dikenali umum menyebabkan persaingan sengit kepada 'Kek Bajet Ayu' untuk memasuki pasaran yang ada.

Potensi meluaskan perniagaan

- ✦ Berdasarkan kepada tinjauan dan kajian pasaran yang dibuat, perniagaan ini mempunyai potensi.
- ✦ Lokasi bakeri yang terletak di Kampung Kedawang adalah strategik kerana kawasan tersebut merupakan kawasan yang membangun dengan pesat.
- ✦ Terdapat dobi, masjid, sekolah serta kawasan pasaraya dan kejiranan penduduk setempat yang berhampiran dapat membantu perkembangan perniagaan yang ditawarkan kepada pelanggan.
- ✦ Membuat strategi perkhidmatan untuk meluaskan perniagaan seperti:
 - i. Memberi perkhidmatan berkualiti dan menangani segala masalah dan teguran pelanggan dengan penuh keikhlasan.
 - ii. "Layanan perkhidmatan berserta senyuman ikhlas" yang akan diterapkan ke atas semua pekerja.
 - iii. Menyiapkan kerja tempahan mengikut masa yang telah ditetapkan oleh pelanggan.
 - iv. Membuat penghantaran ke lokasi dan tepat pada waktu yang di janjikan.

8.0 PENUTUP

Berdasar kepada perancangan dan unjuran pendapatan yang telah dibentangkan, perniagaan amat berkeyakinan bahawa perniagaan KEK BAJET AYU yang diceburi ini akan memberi pulangan yang menguntungkan.

Peniaga telah membuat kajian dan perancangan yang sistematik bagi membolehkan perniagaan berjalan dengan lancar. Oleh yang demikian, perniagaan KEK BAJET AYU amat optimis, yang perniagaan ini amat berdaya saing dan mampu berkembang di masa hadapan.

LAMPIRAN

SL0819041-0P09 - LP072225465



HARIS SURIA GLOBAL RESOURCES
(PG0430797-W)

Sekolah Latihan Pengendali Makanan Yang Diiktiraf Oleh

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Sijil Kehadiran

Dengan ini disahkan bahawa

NURUL AYUNI BINTI SUDIN
880805-26-5144

Telah menghadiri dengan jayanya

KURSUS LATIHAN PENGENDALI MAKANAN

Pada

23 JULAI 2022

Bertempat di

KOLEJ KOMUNITI LANGKAWI,
Jalan Pantai Cenang, Mukim Kedawang,
07000, Langkawi, Kedah.

Tandatangan Tenaga Pengajar :

Nama Tenaga Pengajar

No. Sijil Tenaga Pengajar

: Nor Azman Bin Jamaludin

: KKM B/0016/16

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Nor Azman Bin Jamaludin', is written over the signature line.

BORANG E (KAEDAH 13)



**PERAKUAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN
AKTA PENDAFTARAN PERNIAGAAN 1956**

Dengan ini diperakui bahawa perniagaan yang dijalankan dengan nama


AYUNISUDIN ENTERPRISE

NO. PENDAFTARAN: 201803239644 (002854998-M)

telah didaftarkan dari hari ini sehingga **17 DISEMBER 2026** di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, beralamat di **KEDAI KEK BAJET AYU KAMPUNG KEDAWANG, MUKIM BOHOR, 07000 LANGKAWI, KEDAH.**

Bil. Cawangan: TIADA

Bertarikh di **LANGKAWI** pada **18 DISEMBER 2025.**



DATUK NOR AZIMAH ABDUL AZIZ
Pendaftar Perniagaan
Semenanjung Malaysia



ALTHOUGH ALL EFFORTS HAS BEEN CARRIED OUT TO ENSURE THAT THE INFORMATION PROVIDED IS ACCURATE AND UP TO DATE, THE REGISTRAR OF BUSINESS WILL NOT BE LIABLE FOR ANY LOSSES ARISING FROM ANY INACCURATE OR OMITTED INFORMATION.

**** BUSINESS INFORMATION ****

BUSINESS NAME : AYUNISUDIN ENTERPRISE
BUSINESS REGISTRATION NUMBER : 201803239644 (002854998-M)
PRINCIPLE PLACE OF BUSINESS : KEDAI KEK BAJET AYU
KAMPUNG KEDAWANG,
MUKIM BOHOR
07000 LANGKAWI
KEDAH
BUSINESS OWNERSHIP : SOLE PROPRIETORSHIP
BUSINESS START DATE : 30-05-2018
REGISTRATION DATE : 21-06-2018
BUSINESS EXPIRY DATE : 17-12-2026
STATUS : ACTIVE

**** BUSINESS TYPE ****

MAKANAN, MINUMAN DAN PRODUK BAKERI.

**** BRANCH INFORMATION****

*** NO BRANCH ***

Business Name : AYUNISUDIN ENTERPRISE
Registration Number : (002854998-M)



**** INFORMATION OF CURRENT OWNER ****

NAME : NURUL AYUNI BINTI SUDIN
RESIDENTIAL ADDRESS : KG LUBOK SETOI MUKIM BOHOR
PADANG MATSIRAT, KUAH
07000 LANGKAWI, KEDAH
IC (OLD) :
IC (NEW) : 880805265144
DATE OF BIRTH : 05-08-1988
RACE : MELAYU
GENDER : FEMALE
NATIONALITY : MALAYSIAN CITIZEN
DATE OF ENTRY : 30-05-2018


THIS INFORMATION SUPPLIED ARE EXTRACTED FROM DOCUMENT FILED WITH REGISTRAR.

REGISTRAR OF BUSINESS, PENINSULAR MALAYSIA
DATE: 18/12/2025

THIS COMPUTER GENERATED DOCUMENT. NO SIGNATURE IS REQUIRED.



KEDAI IDAMAN
SARAH




JALAN CHANDEK KURA


JALAN KE CHENANG



KEK BAJET
AYU



BILLION



CILI
KAMPUNG



TABIKA

